

UMS Johan Pertandingan Malam Citra Bayu ke-13

Terakhir dikemaskini: Selasa, 10 Mac 2020 15:10 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 18

[Kongsi 0](#)

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[in Share](#)



ISNIN, 9 MAC - Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangkul tempat pertama dalam Pertandingan Malam Citra Bayu (MCB) ke-13 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, baru-baru ini.

UMS yang diwakili oleh 19 pelajar daripada Kelab Kebudayaan UMS itu turut merangkul tiga anugerah utama iaitu Koreografi Terbaik, Busana Terbaik dan Penari Lelaki Terbaik yang dimenangi oleh Jay Adner.

Menurut pegawai pengiring, Norain Abd Razak, kemenangan tersebut

merupakan usaha gigih pasukan UMS yang mengidamkan gelaran johan selepas tewas di tempat kedua pada tahun lalu.

“Pada tahun lepas, UMS mendapat tempat kedua dan anugerah Penari Wanita Terbaik. Alhamdulillah pada tahun ini kita berjaya mendapat tempat pertama dengan nama karya Meruked Mawa, sebuah tarian etnik dari suku kaum Lundayeh Sipitang hasil koreografi Quenner Mitchell Pauzi,” ujarnya.

UMS menerima wang tunai RM2,000, trofi, cenderahati dan sijil selepas menewaskan peserta-peserta lain, antaranya daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

